

30.9.2020

SIARAN MEDIA

PULAU PINANG SETUJU PENYERAHAN PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN MENGKUANG

- **Majlis penyerahan Fasa 1 dan 2A Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) akan diadakan tidak lama lagi.**
- **Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menyatakan pengambilan tanah untuk Fasa 2B adalah pada peringkat akhir. Pakar runding untuk kajian kebolehlaksanaan Fasa 2C telah dilantik dan pembinaan baraj baharu di Rantau Panjang akan dibincangkan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan.**

PULAU PINANG, Rabu, 30.9.2020: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk “mengambil semula” Empangan Mengkuang yang diperbesarkan dari Kerajaan Persekutuan tidak lama lagi.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow berkata Pulau Pinang bersetuju untuk penyerahan Fasa 1 dan Fasa 2A Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) pada 24.9.2020, ketika pertemuan dengan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) YB Dato’ Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man di Putrajaya.

“Ia mesyuarat yang produktif dan kami menantikan pelaksanaan Fasa 2B dan 2C MDEP pada masa sesuai, serta pembinaan baraj baharu di Rantau Panjang di Pulau Pinang,” katanya.

Jadual berikut menggariskan status terkini pelbagai fasa MDEP:

Fasa	Status
1	<p>Pembesaran Empangan Mengkuang dan kerja-kerja yang berkaitan, untuk meningkatkan kapasiti simpanan air mentah maksimum daripada 22,300 juta liter (JL) kepada 73,500 JL.</p> <p>Selesai (10.4.2017)</p>

Fasa		Status
2A	<p>Menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong dan kerja-kerja berkaitan untuk meningkatkan kapasiti pengepaman air mentah (daripada 200 juta liter sehari atau JLH, kepada 400JLH).</p> <p>Rumah pam ini dibina untuk mengepam air mentah dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang.</p>	<p>Selesai (28.9.2017)</p>
2B	<p>Pemasangan saluran paip keluli lembut berdiameter 1.6-meter sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua untuk menaik taraf kapasiti penyaluran air mentah daripada 300 JLH kepada 600 JLH. Fasa ini sangat penting untuk membolehkan penyaluran lebih banyak air mentah dari empangan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada musim kemarau.</p>	<p>Tertunggak. Pengambilan tanah pada peringkat akhir.</p>
2C	<p>Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH dan kerja-kerja berkaitan. Fasa ini penting untuk mempercepat pengisian semula empangan, dengan mengepam air mentah dari sumber air mentah kedua: Sungai Muda.</p>	<p>Tertunggak. Tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan dan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk dilaksanakan.</p>

“Kami dimaklumkan oleh Menteri KASA pada 24.9.2020 yang pengambilan tanah berada pada peringkat akhir untuk pelaksanaan Fasa 2B,” kata YAB Tuan Chow.

“YB Menteri juga memaklumkan kepada kami bahawa kajian mengenai Fasa 2C dan pembinaan baraj baharu di Rantau Panjang akan dibincangkan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan.

“Oleh kerana KASA telah menyatakan niatnya untuk menyelesaikan Fasa 2B dan 2C MDEP, Pulau Pinang bersetuju untuk penyerahannya. Upacara rasmi akan diadakan pada 26 Oktober 2020 di perkarangan Empangan Mengkuang,” tambah beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa mengkategorikan MDEP sebagai projek strategik kemarau yang kritikal bagi Pulau Pinang. "MDEP adalah projek Kerajaan Persekutuan yang dibiayai oleh geran Persekutuan. Pelaksanaannya adalah satu daripada syarat utama yang dipersetujui ketika Pulau Pinang berhijrah ke Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Nasional (NWSRI) pada tahun 2011," katanya.

"Hari ini, MDEP belum berfungsi sepenuhnya. Namun, adalah wajar untuk kita mengambil alih pengurusan Empangan Mengkuang. Oleh kerana hujan yang sangat rendah kesan perubahan iklim sejak 2019, kapasiti efektif Empangan Air Hitam dan Empangan Teluk Bahang di Pulau Pulau Pinang adalah luar biasa rendah.

"Kita memerlukan akses penuh kepada rizab air mentah di Empangan Mengkuang untuk menguruskan perkhidmatan bekalan air berterusan pada musim kemarau berikutnya, yang dijangka bermula pada Januari 2021," katanya. "Oleh itu, alasan utama penyerahan MDEP adalah pengurusan risiko."

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mendesak Kerajaan Persekutuan untuk mempercepat pelaksanaan dua fasa MDEP selebihnya.

"Tanpa saluran paip Fasa 2B, jumlah maksimum air yang dapat dilepaskan dari empangan terhad sehingga 300 juta liter sehari (JLH). Pada tahun 2019, purata penggunaan air harian Pulau Pinang ialah 843 JLH. Oleh itu, pelepasan maksimum 300 JLH tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan air terawat di Pulau Pinang ketika senario kemarau kecemasan.

"Tanpa Fasa 2C Rumah Pam Lahar Yooi, kami tidak dapat mengepam air mentah dari Sungai Muda untuk mengisi semula Empangan Mengkuang dengan cepat pada musim hujan setiap tahun," katanya.

"Pulau Pinang memerlukan MDEP yang berfungsi sepenuhnya secepat mungkin kerana kita sebuah negeri yang menghadapi risiko air mentah yang ketara pada era perubahan iklim ini," tambahnya.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



MENKCUANG DAM, SEBERANG PRAI, PENANG.